

# Didikan agama hindari gejala negatif

B.H M/s 12 7.5.09

## Pengisian nilai murni, kasih sayang aspek penting lahir insan berakhlak

Oleh Dr. Ahmad Redzuwan Mohd Yunus

**P**ENDIDIKAN pada peringkat awal remaja adalah pendidikan amat penting diterima seseorang daripada ibu bapanya. Ia adalah kerana pada peringkat ini individu berkaitan akan melalui peralihan tahap kehidupan daripada seorang kanak-kanak kepada seorang remaja.

Ibu bapa hendaklah memahami jiwa anak dalam membimbing dan mendidik mereka kerana pada peringkat awal remaja ini, anak lebih sensitif dalam hal yang menyentuh peribadinya. Mereka mula mempuh pergolakan kehidupan serta mula mencari identiti mereka.

Pada peringkat ini, pengaruh luar seperti pergaulan, pendedahan kepada media cetak dan elektronik serta persekitaran tempat dibesarkan mempengaruhi mereka. Pada peringkat ini ibu bapa janganlah bersifat keras dan kasar atau keterlaluan terhadap anak.

Sekiranya ibu bapa bersikap sedemikian, anak akan memprotes, menjadi liar, dan suka melawan orang tua. Sekiranya orang tua lalai, berkemungkinan anak akan jauh menyimpang daripada jalan benar.

Oleh itu, pada masa ini, anak harus dibimbing mengikut dasar keagamaan yang mendalam dan teratur serta efektif dengan pengawasan intensif. Ia adalah kerana agama sebagai ubat mujarab untuk mengubah penyakit rohani dan sebagai ubat pencegah kenakalan remaja.

Ibu bapa juga digalakkan memuliakan anak dan memperlakukan adab mereka. Sabda Rasulullah SAW "Hormatilah anak kamu dan perelokkanlah adab mereka" (Hadis diriwayatkan oleh Ibn Majah).

Tugas ibu bapa bukan saja berkisar sekitar menyediakan perlindungan, makan dan pakaian tetapi bertanggungjawab memberi perlindungan emosi dan keselamatan daripada pengaruh luar. Pendidikan yang diberi ibu bapa dan ajaran asas agama yang kukuh amat penting untuk menghindari gejala yang tidak diinginkan.

Ibu bapa adalah sebagai pendidik dan pemimpin mendidik serta membimbing anak sebaik-baik didikan, bimbingan, dan pimpinan agar anak mereka menjadi anak yang salih, diredai Allah serta menjadi manusia bertakwa dan bersyukur.

Kelahiran anak itu dalam keadaan tidak mengetahui sesuatu pun. Firman Allah yang bermaksud "Dan Allah SWT melauarkan kamu dari perut ibu kamu dalam keadaan tidak mengetahui sesuatu pun dan Dia memberi kamu pendengaran, penglihatan dan hati agar kamu bersyukur." (Surah al-Nahl, ayat 78)


Ibu bapa hendaklah merancang apa-apa kegiatan terhadap anak agar mereka tidak bergaul bebas dengan rakan yang tidak tentu arah kerana peringkat awal remaja adalah peringkat mudah dipengaruhi anasir atau gejala-kurang sihat yang boleh membawa mereka terjerumus ke lembah kebinasaan.

Jiwa manusia yang kecil atau berusia muda adalah kosong dan sekiranya dibiarkan begitu saja maka iblis akan berperanan

INTI PATI

### Beberapa aspek penting di dalam mendidik anak

- Memberi kasih sayang dan keperluan hidup yang mencukupi. Remaja pada peringkat awal memerlukan kasih sayang secukupnya dari ibu bapa supaya mereka tidak merasa kesosongan dalam jiwa.
- Memberi pendidikan agama. Tanpa pendidikan agama secukupnya adalah mustahil dapat melahirkan anak yang berakhlak dan bertakwa kepada Allah.
- Tugas ibu bapa bukan saja berkisar sekitar menyediakan perlindungan, makan dan pakaian tetapi bertanggungjawab memberi perlindungan emosi dan keselamatan daripada pengaruh luar.



**DIDIKAN AWAL:** Ibu bapa wajar membimbing anak mereka dalam agama dan kerjaya sejak awal usia agar mereka menjadi anak salih apabila dewasa.

menyinsinya dengan cara tersendiri. Waktu itu, pengisian nilai-murni menjadi semakin sulit.

Anak akan mula menampakkan sikap keputeraan dalam banyak perkara. Oleh itu, jiwa anak remaja perlu diisi dengan nilai murni supaya mereka mempunyai pegangan dalam hidup. Ibu bapa yang kreatif dan inovatif berupaya mendidik, melatih dan membangunkan semua ahli keluarga ke arah itu supaya mereka hidup harmoni, berjaya dan beretika.

Dalam hal ini adalah menjadi kewajipan ibu bapa untuk berilmu, berkemahiran, bersikap positif, bertingkah laku produktif, beriman dan bertakwa supaya dapat terus melaksanakan tugas sebagai umat contoh. Firman Allah yang bermaksud "Dan berilah peringatan kepada keluargamu yang terdekat." (Surah al-Syura, ayat 214)

Anak terutama pada peringkat awal remaja harus dididik menjadi insan berkualiti. Rumah adalah tempat bagi memastikakan sikap positif, nilai murni serta ahlak mulia dapat dibentuk dan ditingkatkan. Kekurangan masa berkualiti untuk anak mendatangkan banyak masalah seperti pergaulan bebas, tabiat tidak senonoh, bepelesenan, tekanan jiwa, penagihan dadah, menipu dan mencuri.

Remaja yang kurang bimbingan agama dan kerohanian akan lebih memberontak untuk mencari identiti diri dan lebih cenderung melauhkan masalah kepada rakan mereka daripada ibu bapa dan keluarga sendiri.

Islam menggariskan beberapa aspek penting dalam mendidik anak terutama remaja ke jalan yang diredai Allah SWT.

Pertama, memberi kasih sayang dan keperluan hidup yang mencukupi. Remaja pada peringkat awal memerlukan kasih sayang secukupnya daripada ibu bapa supaya mereka tidak berasa kekosongan dalam ji-

wa. Tanggungjawab ini harus dilaksanakan ibu bapa sebaik-baiknya. Firman Allah yang bermaksud "Dihiasi pada pandangan manusia itu menyintai apa yang diinginkannya iaitu wanita, anak, harta, yang banyak daripada emas, perak, kuda pilihan, binatang ternakan dan sawah ladang." (Surah Ali-Imran, ayat 14)

Naluri kasih sayang yang wujud dalam diri manusia ini hendaklah dipupuk sebaik mungkin menurut kehendak syariat Islam. Dalam memberi kasih sayang kepada anak, tidak cukup bagi ibu bapa sekadar menyediakan keperluan kebendaan sedangkan keperluan mental dan emosi mereka tidak dititikberatkan.

Ibu bapa seharusnya meluangkan masa bersama anak untuk bermesra dan bergaul dengan mereka. Ibu bapa juga perlu menjadi rakan yang baik kepada anak remaja dengan memberi peluang mencurahkan apa juga masalah dihadapinya.

Tumpuan yang tidak berbelah-bagi haruslah diberikan ketika anak remaja mencurahkan sesuatu atau sumber lain untuk mencurahkan sebarang masalah sedang dihadapinya itu. Hubungan erat amat penting antara ibu bapa dan anak remaja. Cara ini membuatkan mereka tidak takut bertanya atau bercerita jika sesuatu perkara berlaku ke atasnya.

Dalam menjangkau akil baligh, anak perempuan dan lelaki perlu diberi penerangan mengenai seks seperti haid dan sebagainya untuk mengelakkan rasa takut dan malu. Hal yang berkaitan dengan kehidupan, hubungan dan etika kekeluargaan juga perlu diterangkan kepada mereka. Apabila anak berasakan dirinya diabaikan, maka mereka juga akan menghormati dan menghargai ibu bapa mereka.

Dengan ini hubungan anak dengan ibu bapanya akan bertambah erat di samping

mereka akan taat dan mudah menerima nasihat daripada ibu bapa mereka. Anak yang mendapat kasih sayang dan asuhan cukup ibu bapanya tidak akan mengecewakan harapan ibu bapanya. Mereka tidak akan mencari kebahagiaan di luar rumah lagi umpamanya bergaul dengan kawan yang 'nakal', menghisap dadah, lari dari rumah dan sebagainya lagi kerana kebahagiaan yang dicari sudah didapati di rumah sendiri.

Kedua, memberi pendidikan agama. Pendidikan agama adalah suatu kewajipan yang semestinya diambil berat oleh ibu bapa. Tanpa pendidikan agama secukupnya adalah mustahil dapat melahirkan anak berakhlak dan bertakwa kepada Allah.

Pengajaran dan pendidikan semestinya dutamakan adalah yang berkaitan dengan agama kerana ia adalah cara paling baik untuk mencegah manusia daripada keburukan dan membawa mereka kepada ketinggian.

Pendidikan agama Islam adalah cahaya yang datang daripada Allah. Agama saja yang dapat membekalkan anak dengan pengetahuan dan kebudayaan Islam yang sesuai dengan umurnya, sama ada dalam bidang akidah, ibadat, muamalat dan sejarah serta mengajar mereka dengan cara yang betul dalam memuainkan syiar Islam dan kewajiban agama. Perkara yang mula-mula ditekankan ialah kepatuhan kepada Allah, malaikat, rasul dan sebagainya.

Dengan ada didikan yang sempurna ini, akan melahirkan anak salih dan menjauhkannya menjadi anak derhaka.

Penulis adalah pensyarah kanan di Jabatan Pengajian Dakwah & Kepimpinan, Universiti Kebangsaan Malaysia